

## Membantu kanak-kanak yang telah didera secara seksual

**Anda boleh membantu kanak-kanak tersebut dengan:**

### **Bertenang**

Kanak-kanak biasanya peka terhadap reaksi anda dan mungkin akan menginterpretasikan kemarahan atau rasa meluat anda terhadap kejadian tersebut sebagai marah dan meluat terhadapnya. Cuba bertenang. Ini dapat mengurangkan kanak-kanak itu berasa "berlainan daripada kanak-kanak lain" akibat daripada penderaan tersebut. Maruah merupakan perkara pertama yang hilang apabila kanak-kanak didera secara seksual. Anda akan membantu kanak-kanak tersebut memulihkan semula maruahnya jika anda bertenang.

### **Percaya dan yakinkan kanak-kanak tersebut**

Beritahu kanak-kanak tersebut yang dia telah bertindak bijak kerana memberitahu anda mengenai penderaan itu. Kepercayaan anda terhadap kanak-kanak tersebut adalah langkah utama dalam proses membantu kanak-kanak tersebut mengatasi trauma akibat penderaan tersebut. Kenyataan seperti "saya percaya awak" atau "ini bukan salah awak" boleh bantu dalam proses pemulihan.

### **Menenangkan kanak-kanak tersebut.**



Beritahu kanak-kanak tersebut yang anda masih menyayangnya, menyukainya dan mengambil berat tentangnya. Beritahu dia yang anda akan cuba sedaya upaya untuk membantu, tetapi pastikan yang anda hanya membuat janji yang boleh anda tunai.

**Semua kes-kes keganasan seksual akan dilayan secara sulit.**

*Risalah ini dihasilkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan sumbangan ikhlas daripada Levi Strauss (M) Sdn. Bhd.*

Jika terdapat kes keganasan seksual kanak-kanak atau anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi salah satu daripada organisasi berikut:

### Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tingkat 20 Bangunan KOMTAR  
10564 Pulau Pinang  
Tel: 04-650 5258

### Police (ibu pejabat)

Daerah Timur Laut  
17060 Pulau Pinang  
Tel: 04-261 5522

### General Hospital

Jalan Utama  
10460 Pulau Pinang  
Tel: 04-229 3333



**PUSAT KRISIS WANITA**  
Women's Crisis Centre

24-D Jalan Jones  
10250 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-2280342  
Tel / Fax: 04-2285784



**PUSAT KRISIS WANITA**  
Women's Crisis Centre

Pusat Krisis Wanita (PKW) sedang menyediakan satu siri risalah untuk melengkapi anda tentang hak-hak anda.



# Menjaga Keselamatan Risalah mengenai Keganasan Seksual Kanak-kanak

Tahniah kami ucapkan kepada para ibubapa! Kini si kecil anda telah masuk alam persekolahan!

Sebagai ibubapa yang bertanggungjawab sudah pasti anda telah melengkapi anak anda untuk memulakan hidup baru di sekolah seperti memberikan nasihat mengenai keselamatan di jalan raya, tingkahlaku semasa di bilik darjah, tip-tip untuk mendapatkan kenalan baru dan sebagainya.

Kami di Pusat Krisis Wanita Pulau Pinang juga amat mementingkan keselamatan anak anda, tetapi dari aspek yang lain - keganasan seksual kanak-kanak.

Dewasa ini kita kerap mendengar mengenai keganasan seksual kanak-kanak yang berlaku di dalam rumah dan juga di luar rumah. Kita perlu mengajar anak-anak kita cara melindungi diri mereka. Oleh kerana kita tidak dapat bersama anak-anak sepanjang masa, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengajar mereka cara untuk mengelak dan mengendali sebarang penderaan seksual yang mungkin berlaku di dalam rumah atau di luar rumah.

Pusat Krisis Wanita berharap risalah ini akan memberikan beberapa tip yang berguna dan juga maklumat mengenai keganasan seksual kanak-kanak.

Kami percaya anda sebagai ibubapa adalah orang yang paling sesuai untuk mengajar anak anda mengenai cara-cara melindungi diri dan menyelamatkan diri.



## Bilakah sesuatu tindakan itu dianggap penderaan seksual terhadap kanak-kanak?

Apabila seorang kanak-kanak dieksploitasi untuk kepuasan seksual oleh seorang dewasa atau seorang yang umurnya lebih tua daripada si mangsa.

Ia berlaku apabila seorang dewasa atau orang yang lebih tua daripada mangsa menggunakan kuasa atau authoritinya dan mengambil kesempatan daripada kepercayaan dan rasa hormat kanak-kanak tersebut untuk melibatkan kanak-kanak itu dalam aktiviti seksual yang tidak bersesuaian dengan umurnya.

## Sebagai ibu bapa tindakan-tindakan yang boleh anda ambil

### Lindungilah anak anda

Lindungilah anak anda daripada situasi-situasi mereka boleh didera secara seksual. Berhati-hati semasa meninggalkan anak anda di sesuatu tempat dan bersama seseorang. Ingat, pendera mungkin kawan anda, ahli keluarga atau orang yang tidak dikenali.

### Memahami mitos "Berhati-hati dengan orang yang tidak dikenali"

Pendapat yang mengatakan hanya orang yang dikenali sahaja yang akan mendera kanak-kanak secara seksual adalah mitos semata-mata. Sesiapa sahaja yang dapat berdamping dengan kanak-kanak boleh mendera mereka. Statistik menunjukkan yang 85% daripada kes yang dilaporkan, penderanya dikenali oleh kanak-kanak tersebut.

Oleh itu adalah penting untuk mengajar anak anda mengenali sebarang penderaan dan memberitahu seorang dewasa yang dia percaya – anda atau guru – mengenai kejadian tersebut dengan segera.

### Percayai anak anda

Bina perhubungan yang erat dengan anak anda supaya dia dapat berbicara dengan anda. Kanak-kanak jarang sekali bohong mengenai keganasan seksual. Kanak-kanak tidak mampu mereka cerita mengenai orang melakukan perkara seksual terhadap mereka. Mereka tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk mereka cerita-cerita yang sedemikian. Percayai anak anda.

Anak anda akan memerlukan kepercayaan dan sokongan anda apabila dia meminta pertolongan anda. Elak daripada menggunakan komen-komen seperti "kan saya dah kata" atau "kenapa awak ini bodoh sangat". Gunakanlah kenyataan yang positif seperti "saya percaya awak" atau "saya bersedialah untuk perkara ini berlaku kepada awak".

### Anak anda tidak harus dipersalahkan

Kanak-kanak biasanya terlalu takut untuk memberitahu anda yang dia telah didera kerana pendera adalah orang yang mempunyai kuasa atau authoriti terhadap mereka. Mereka juga mungkin takut anda akan memarahi mereka atau mempersalahkan mereka atas perkara yang telah berlaku.

Anda ingin anak anda mempercayai anda dan memberitahu anda jika terjadinya sebarang kejadian dan ini termasuklah kejadian yang melibatkan cinta dan seks dengan sesiapa sahaja. Jadi, cuba bertenang dan yakinkan anak anda yang dia tidak bersalah dalam perkara ini.

### Perkara-perkara yang perlu saya ajar anak saya

Kanak-kanak harus diajar menghormati dan menyanggah tubuh badan mereka. Mereka harus diberitahu yang terdapat peraturan-peraturan tertentu mengenai perkara-perkara yang boleh dibuat oleh orang dewasa ke atas mereka. Adalah penting untuk menekankan kepada mereka tentang

cara sentuhan yang betul dan yang salah. Kerap kanak-kanak dapat menilai samada sesuatu sentuhan ini betul atau salah dengan mempercayai perasaan mereka dan mendengar perasaan mereka.

### Ini tubuh saya. Tubuh saya istimewa dan penting. Saya perlu menyanggah dan menjaga tubuh badan saya.

Anda boleh mengajar anak anda yang bahagian badan yang ditutup oleh baju dalam mereka dipanggil bahagian kemaluan. Bahagian ini adalah kepunyaan mereka dan tidak boleh disentuh oleh sesiapa sahaja tanpa kebenaran mereka. Beritahu mereka yang bahagian kemaluan ini boleh disentuh hanya untuk tujuan kebersihan dan perubahan contohnya oleh seorang doktor.

### Perbendaharaan kata yang sesuai untuk bahagian-bahagian badan.

Gunakan kata-kata yang betul bagi bahagian badan seperti zakar, faraj dan buah dada. Elak daripada menggunakan nama-nama lain seperti "pok-pok" (faraj) dan "ku-ku" (zakar).

Adalah penting menggunakan perkataan yang betul untuk bahagian-bahagian badan kerana:

- ia memastikan yang jika seseorang menyentuh bahagian kemaluan kanak-kanak, dia dapat memberitahu anda secara tepat apa yang telah berlaku.
- menunjukkan yang anda menghormati anak anda dan tubuh badannya.
- mengkomunikasi keseriusan perkara ini secara tenang.

### Terdapatnya sentuhan-sentuhan yang berbeza

Terdapat sentuhan yang baik dan sentuhan yang tidak baik. Kanak-kanak berasa selesa dan selamat dengan sentuhan yang baik contohnya pelukan seorang ibu.

Sentuhan yang tidak baik membuat kanak-kanak berasa keliru dan tidak pasti mengenai perasaannya contohnya meraba atau menyentuh bahagian kemaluan oleh seorang yang lebih dewasa.

Ajar anak anda berkata "Hentikan" jika terdapat sentuhan yang membuat dia berasa tidak selesa dan keliru.



### Mendengar suara hati (suara naluri)

Kanak-kanak boleh belajar mempercayai perasaan mereka mengenai orang dan sentuhan. Mereka harus diberitahu yang terdapat suara dalam diri mereka (suara naluri) yang akan memberitahu mereka jika terdapat sesuatu yang tak kena.

Jika kanak-kanak berasa keliru dan tidak selesa apabila disentuh, maka itu adalah suara hati yang memberitahu bahawa sentuhan itu tidak baik. Ajarlah anak anda mempercayai suara hatinya.

### Jangan simpan rahsia dalam keluarga kita

Cuba jangan simpan rahsia di antara ahli keluarga. Pendera kerap akan memberitahu kanak-kanak "Ini adalah rahsia di antara kita berdua". Oleh itu kanak-kanak akan berasa serba salah untuk memberitahu sesiapa tentang penderaan tersebut.

Kanak-kanak harus diajar yang jika terdapat rahsia yang menyebabkan mereka berasa tidak selesa, takut atau keliru ia harus diberitahu. Jika terdapat sesiapa yang ingin mereka menyimpan rahsia mengenai sentuhan atau apa sahaja yang menyebabkan mereka berasa tidak selesa, dia perlu memberitahu seorang dewasa dengan segera.